

# Kampus berpusat SIT di Punggol

JTC akan bina kelompok perusahaan kreatif seberang jalan institut bagi memudahkan pelajar praktikkan yang dipelajari

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) akan mempunyai kampus berpusat serba baru dan di bawah satu bumbung di Punggol – tidak lagi berselerak seperti sekarang ini.

Bagi memudahkan para pelajarnya mempraktikkan apa yang telah mereka belajar, JTC akan membina kelompok perusahaan kreatif yang terletak di seberang jalan institut tersebut.

SIT juga akan dirangkumkan ke dalam bandar Punggol Downtown dan daerah di persisiran utara atau Northshore District yang bakal dibangunkan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB).

“Para penduduk boleh mengongsi pelbagai kemudahan di SIT seperti bilik-bilik darjah, bengkel dan dewan serbagunanya.

“Jadi, Punggol 21 sekarang akan menjadi Punggol 21 A-Plus,” kata Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong.

SIT sekarang ini mempunyai kampus utamanya di Dover Road dan kampus-kampus cawangan di kesemua politeknik.

Encik Lee menarik perhatian bahawa SIT menyediakan laluan pembelajaran amali bagi para pelajar yang lebih suka kepada kaedah tersebut.

Institut tersebut mengeluarkan ijazahnya sendiri dan ijazah bersama dengan institusi terkenal di seberang laut seperti Universiti Teknikal Munich (TUM), Institut Teknologi DigiPen, sebuah institut terkemuka dalam bidang animasi, kejuruteraan komputer serta desain permainan dan Institut Masakan Amerika (CIA).

SIT akan meningkatkan pengambilan pelajar daripada 2,000 tahun ini kepada 3,500 orang menjelang 2020.

Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau telah menemui pelajar dan kakitangan ketika melawat SIT tahun ini.

“Mereka berminat terhadap masa depan dan bersemangat terhadap apa yang mereka lakukan. Mereka juga menanti peluang belaj



**KAMPUS BARU:** Lakaran artis kampus Institut Teknologi Singapura (SIT) di bawah satu bumbung yang akan dibina di Punggol. – Foto SIT dan JTC

## PENDIDIKAN

### Membantu tingkat pendidikan, pembelajaran sepanjang hayat

#### 1 Madrasah:

- i) Skim anugerah; bagi murid cemerlang dalam subjek sekular
- ii) Bantuan kewangan; bagi peringkat kemahiran guru

#### 2 Institut Teknologi Singapura (SIT):

- i) Tambah tempat; daripada 2,000 kepada 3,500 menjelang 2020.
- ii) Bina kampus baru di Punggol; disepadukan dengan perusahaan kelompok kreatif JTC baru



jar sambil bekerja dan memanfaatkan apa yang telah dipelajari,” ujar Encik Lee.

Beliau selanjutnya menekankan keperluan usaha berterusan bagi menambah baik bidang pendidikan bukan saja di sekolah malah pembelajaran sepanjang hayat.

“Ini kerana pendidikan membolehkan warga kita berdikari dan memastikan pekerja dan pelajar kita sentiasa berada di hadapan globalisasi dan teknologi,” tegas Encik Lee.

Menyingkap pentingnya SkillsFuture atau kemahiran masa depan yang pernah beliau sentuh dalam Rapat Hari Kebangsaan tahun lalu, Encik Lee menyatakan banyak kemajuan yang telah dicapai sejak itu.

SkillsFuture menyediakan peluang kepada warga Singapura membangunka potensi mereka sepenuhnya tanpa mengira di mana mereka bermula.

Contohnya, Program Belajar dan Meraih Pendapatan di bawah SkillsFuture telah membolehkan lepasan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan Politeknik memberi permulaan kerjaya yang baik.

Para lepasan itu meraih gaji sepenuh masa ketika mempelajari kemahiran baru dan lantas menganjak naik ke pekerjaan lebih tinggi.

Menurut Encik Lee lagi, pemerintah telah mewujudkan Kredit SkillsFuture yang membolehkan rakyat Singapura yang berusia 25 tahun ke atas menerima kredit permulaan sebanyak \$500 dan diberi tokon selanjutnya, bagi mengikuti program sepanjang hayat.

Beliau memberi contoh bagaimana lepasan SIT, Encik Chen Zhanikai, 27 tahun, yang dulunya hampir tercicir daripada Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dan sering terlibat dalam pergaduhan ketika usia muda, meraih ijazah daripada DigiPen tahun lalu.

Kata Encik Lee, projek tahun akhir dan portfolio Encik Chen cukup mengagumkan pengarah sebuah studio animasi yang mengambilnya belajar sambil bekerja dan akhirnya menawarkannya pekerjaan sebagai animator.